



Untuk Terbitan Media

14 Jun 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **WARIS KELUARGA BEKAS PENGACARA DAN WARTAWAN MAJALAH 3 TERIMA FAEDAH PERKESO**

### **ALERT: WARIS TERIMA FAEDAH PENCEN PENAKAT LEBIH RM1,700 SEPANJANG HAYAT**

**SUNGAI BULOH** – Balu kepada bekas pengacara dan wartawan dokumentari Majalah 3, Abdullah Sidek Majin layak menerima dua faedah daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerusi caruman Allahyarham suaminya.

Menurut Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal, hasil semakan PERKESO mendapati waris Abdullah Sidek Majin, 58, layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) dan Pencen Penakat bawah Skim Keilatan berikutan suaminya adalah pencarum yang berdaftar bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) sejak Disember 1983 hingga Julai 2017.

"Abdullah Sidek merupakan bekas kakitangan Primeworks Studios yang banyak menghasilkan dokumentari berkualiti tinggi serta menjadi kegemaran penonton televisyen suatu ketika dahulu menghidap kanser limfoma tahap empat sebelum meninggal dunia pada 29 Mei lalu akibat 'Septic Shock Secondary To Neutropenic Sepsis'.

"Balu dan salah seorang anaknya layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM2,000 secara sekali bayar serta Pencen Penakat sebanyak RM1743.75 setiap bulan yang dibayar sepanjang hayat disalurkan kepada balunya Khairana Sabtu, 53 dan anaknya Ariq Mikhael Abdullah Sidek, 20 tahun sehingga berusia 21 tahun jika belum berkahwin, dan faedah tersebut boleh diteruskan sekiranya beliau menyambung pengajian ke peringkat ijazah pertama.

"Namun begitu, empat lagi anak Allahyarham tidak layak menerima faedah berkenaan berikutan telah melepasi had umur 21 tahun," jelasnya .

Subahan turut memberitahu hasil rekod caruman yang pernah dibuat membolehkan waris keluarga menerima faedah PERKESO yang secara tidak langsung telah membantu meneruskan kehidupan keluarga selepas pemergiannya.

"Situasi ini menunjukkan betapa pentingnya bagi setiap individu yang bekerja untuk mencarum dengan PERKESO, ia bukan sahaja sebuah bentuk persediaan dalam melindungi diri sendiri, tetapi juga untuk memastikan kebajikan tanggungan mereka sekiranya terjadi musibah," tambah Subahan.

PERKESO menyeru semua majikan yang belum mendaftar dan mencarum dengan PERKESO agar segera melaksanakan tanggungjawab mendaftarkan dan mencarumkan pekerja terutamanya dalam tempoh lanjutan Bulan Pemutihan sehingga 30 Jun ini.

Tamat

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

#### **Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**14 Jun 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatimah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

[fatimah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatimah.redzuan@perkeso.gov.my)